

ANUGERAH PELAJAR HEBAT POLITEKNIK KPT

Pengenalan

Anugerah Pelajar Hebat Politeknik KPT merupakan satu program yang diharapkan dapat memberi kesan positif mendalam kepada para pelajar khususnya. Program ini adalah bertujuan bagi menyahut saranan Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Abdul Rahim Md. Noor agar universiti dan institusi pengajian tinggi mempunyai program berimpak tinggi yang boleh memberi kesan untuk melahirkan pemimpin-pemimpin pelajar yang hebat kepimpinan dan petah berbicara.

Objektif Program

Objektif program ini adalah untuk melahirkan pelajar politeknik yang menonjol; yakni mempunyai ciri-ciri personaliti unggul (towering personality) dapat mewakili politeknik di peringkat kebangsaan dan antarabangsa sebaris dengan wakil dari institusi pengajian tinggi yang lain.

Ciri-ciri Personaliti Unggul (Towering Personality)

1. Mempunyai cita-cita, semangat dan wawasan yang jelas serta sentiasa berusaha ke arah mencapai kejayaan cemerlang
2. Mempunyai kualiti kepimpinan yang tinggi di mana mampu memujuk, mengarah atau meggerakkan pasukan.
3. Mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi.
4. Mempunyai daya tahan, daya saing yang tinggi dan berdikari serta mempunyai ciri-ciri keusahawanan dan kemahiran pengurusan yang tinggi.
5. Mempunyai daya kreativiti yang tinggi, konstruktif, saintifik, progresif, inovatif, kritikal, global dan analitikal.
6. Mempunyai pemikiran yang rasional, terbuka, berpandangan jauh, berketrampilan, bebas dan yakin.
7. Mempunyai jati diri dan patriotik; dan
8. Beretika dan berakhlak mulia.

Impak Program

Impak Program kepada Pelajar

- Program ini memberi kesedaran kepada para pelajar
- Memberi peluang kepada pelajar untuk mengetengahkan potensi dan mengembangkan bakat yang ada pada diri
- Memberi motivasi kepada pelajar untuk menjadi insan yang cemerlang

Impak Program kepada Politeknik

- Memberi peluang kepada politeknik untuk menyediakan perkhidmatan pendidikan akademik dan sahsiah yang terbaik di dalam melahirkan pelajar cemerlang dan berketrampilan yang boleh menjadi ikon mewakili kecemerlangan politeknik tersebut.

Syarat Penyertaan

Penyertaan adalah terbuka kepada semua pelajar berdaftar di Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia semester 3 dan ke atas yang berkaitan **kecuali**:

- a) Pelajar HPNM kurang daripada 3.00.
- b) Pelajar yang pernah mengulang semester
- c) Pelajar yang sedang menunggu keputusan perbicaraan tatatertib
- d) Pelajar yang pernah dikenakan tindakan tatatertib
- e) Pengecualian di atas adalah terbatal dengan kebenaran Pengarah Politeknik masing-masing kecuali perkara 'a' dan 'b'.

Butiran Penyertaan

- Setiap politeknik perlu menghantar **minimum TIGA (3) nama dan maksimum TUJUH (7) nama** calon pelajar hebat. Walaubagaimanapun, setiap Politeknik digalakkan menghantar semaksimum calon (TUJUH (7) nama) yang ada di politeknik masing-masing.
- Sebarang pencalonan perlulah melalui Penasihat Jawatankuasa Perwakilan Pelajar yang dilantik sebagai Penyelaras Program Pelajar Hebat di peringkat politeknik. Setiap politeknik diminta **menghantar nama penyelaras** bagi memudahkan penyelarasan di pihak Bahagian Pembangunan dan Kebajikan Pelajar, Jabatan Pengajian Politeknik melalui sms kepada Siti Rozana binti Romali di talian 019-8281410 sebelum **18 Ogos 2012**.
- Sebarang pencalonan adalah tertakluk kepada butiran penyertaan seperti yang tertera di atas. Namun, **penghantaran nama calon adalah tertakluk kepada kelulusan pengarah politeknik masing-masing**.
- Setiap pencalonan perlu mengisi Borang Pencalonan Dengan Sokongan Pengarah Politeknik
- Setiap pencalonan mestilah mengemukakan sebarang bentuk dokumen sokongan yang disahkan seperti sijil penyertaan, keratan akhbar dan sebagainya untuk menyokong butiran yang nyatakan dalam borang pencalonan. Panel Penilai berhak menolak markah calon yang gagal mengemukakan bukti.
- Dokumen sokongan hendaklah dihantar dalam bentuk **'softcopy' DAN 'hardcopy'**.

- Borang pencalonan bagi tahun semasa 2012 perlulah sampai ke Bahagian Pembangunan dan Kebajikan Pelajar, Jabatan Pengajian Politeknik **sebelum atau pada 1 Oktober 2012 (Isnin)**.

Senarai Semak Pencalonan

Setiap pencalonan perlulah mengemukakan dokumen-dokumen berikut:

1. Borang permohonan yang **lengkap** diisi.
2. Sekeping gambar berukuran passport terkini (6 bulan dari tarikh semasa) yang dilekatkan pada borang permohonan.
3. Salinan dokumen sokongan 'softcopy' dan salinan dokumen sokongan 'hardcopy' yang telah disahkan.

ANUGERAH PELAJAR HEBAT POLITEKNIK KPT
BORANG PENCALONAN
TAHUN



Nama Calon : _____
 No. K/P : _____
 No Pendaftaran : _____
 Jabatan : _____
 Semester Semasa : 2 / 3 / 4 / 5 / 6
 Politeknik : _____
 Saiz Baju : S / M / L / XL / 2XL / Jika Lain, Nyatakan _____
 No H/P : _____

BIDANG	KRITERIA	BUTIRAN	MARKAH	CATATAN	SKOR / MARKAH SEBENAR (%)
AKADEMIK	HPNM	HPNM X 7.5 (Maksima 30 markah)	30 M		30 M
KEGIATAN KO-KURIKULUM	JPP	Pengerusi	9 M	9 M	9 M
		Naib Pengerusi	7 M		
		Setiausaha	6 M		
		Pen. Setiausaha	5 M		
		Bendahari	6 M		
		Exco Biro JPP	5 M		
	KELAB / PERSATUAN / BADAN BERUNIFORM (Bukan AR101 & AR201)	Pengerusi	5 M		5 M
		Naib Pengerusi	4 M		
		Setiausaha	4 M		
		Pen. Setiausaha	4 M		
		Bendahari	4 M		
		Exco Biro Kelab / Persatuan	3 M		
	PENGLIBATAN DALAM PERTANDINGAN (sukan/kebudayaan & kesenian/lain-lain (Maksima 3 penglibatan) Memerlukan kemahiran individu / berpasukan Cth : Sukan / nasyid / tilawah	Peringkat Antarabangsa	5 M	3 x 5 M	15 M
		Peringkat Kebangsaan	4 M		
		Peringkat Negeri	3 M		
		Peringkat Politeknik	2 M		
		Peringkat Jabatan	1 M		
	MENGURUSKAN PROGRAM / AKTIVITI DI POLITEKNIK (Maksima 2 program)	Pengarah Program	4 M	2 x 4 M	8 M
Pen. Pengarah Program		3 M			
Setiausaha		3 M			
Pen. Setiausaha		3 M			
Bendahari		3 M			
Ketua Jawatankuasa Kecil		3 M			
KESUKARELAWANAN (1 penglibatan)	AJK Biasa	2 M			
	Peringkat Antarabangsa	5 M		5 M	
	Peringkat Kebangsaan	4 M			
	Peringkat Negeri / Komuniti	3 M			
KEUSAHAWANAN (1 penglibatan)	Peringkat Politeknik	2 M			
	Peringkat Antarabangsa	5 M		5 M	
	Peringkat Kebangsaan	4 M			
	Peringkat Negeri	3 M			
	Peringkat Politeknik	2 M			
KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI (1 penglibatan) Cth: debat, pidato, speaking corner, mengeluarkan pendapat	Peringkat Jabatan	1 M			
	Peringkat Antarabangsa	5 M		5 M	
	Peringkat Kebangsaan	4 M			

BIDANG	KRITERIA	BUTIRAN	MARKAH	CATATAN	SKOR / MARKAH SEBENAR (%)
		Peringkat Negeri	3 M		
		Peringkat Politeknik	2 M		
		Peringkat Jabatan	1 M		
AM	SUMBANGAN UMUM (Penglibatan dalam aktiviti/ program) (Maksima 3 penglibatan)	Peringkat Antarabangsa	5 M	3 x 5 M	15 M
		Peringkat Kebangsaan Cth : - Wakil Politeknik ke Simposium/Kem JPP /Seminar melibatkan politeknik Semalaysia - Menghadiri Perasmian Pertandingan Pidato Piala Perdana Menteri	4 M		
		Peringkat Negeri Cth : - Perbarisan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri - Menyertai Joging Bersama Menteri Besar	3 M		
		Peringkat Politeknik	2 M		
		Peringkat Jabatan	1 M		
	PENGIKTIRAFAN PIHAK LUAR - Anugerah / Jawatan	Peringkat Kebangsaan	3 M		3 M
		Peringkat Negeri	2 M		
		Peringkat Politeknik	1 M		
	JUMLAH SKOR (100 %)				

Nota : Sila kemukakan sebarang bentuk dokumen sokongan yang disahkan seperti sijil penyertaan untuk menyokong butiran yang dinyatakan dalam borang pencalonan. Panel Penilai berhak menolak markah calon yang gagal mengemukakan bukti.

(_____)
Tandatangan Ketua Jabatan

Tarikh : _____

Sokongan Pengarah:

Pencalonan pelajar ini bagi Anugerah Pelajar Hebat Politeknik KPT adalah **Disokong / Tidak Disokong ***

Ulasan:
.....
.....

(_____)
Tandatangan & Cop Rasmi Pengarah

Tarikh : _____

*** Potong yang mana tidak berkenaan**

Pegawai yang boleh dirujuk: Nama : _____ Jawatan : _____ No. H/P : _____
